

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Kindly read this Product Disclosure Sheet before you decide to open the MAE. Be sure to also read the MAE Terms and Conditions.

**MAYBANK MAE
JUNE 2023**

1. WHAT IS THIS PRODUCT ABOUT?

MAE is an e-wallet offered by Maybank and its authorized manager, Maybank Islamic, which a customer may open via Maybank Mobile Banking Application, without visiting our branch. Customer is able to bank instantly upon sign up. Each customer can only have one MAE.

Customer is advised to create the e-wallet using actual information including Name (as per MyKad/Passport), MyKad/Passport Number, Mobile Number, Address, Employment Details and Email. Customer is required to perform and pass e- KYC authentication during MAE opening process.

Maybank reserves the right to close/freeze any MAE at any time if any suspicious or incorrect information is discovered. To reactivate the MAE, customer will be required to undergo a Customer Due Diligence at any of our branch to validate his or her identity.

Note:

Not protected by PIDM.

Funding option:

1. For existing Maybank customer:
Customer can fund their MAE using their existing Maybank Savings or Current Account, or via any Maybank Smart Recycler Machines (SRM). Customer can also perform Online Transfer (Third Party Transfer or Interbank Transfer) from other account.
2. For new to Maybank customer:
Customer can fund their MAE via any Maybank Cash Deposit Machine, Debit Card or via Maybank2u Mobile Application using Financial Exchange Process (FPX). Customer can also perform Online Transfer (Third Party Transfer or Interbank Transfer) from other account.

Functions available using MAE:

- i. Top Up / Funding
- ii. Request Money
- iii. Send Money
- iv. Split Bill
- v. Purchase Flight tickets
- vi. Bill Payments
- vii. Mobile Prepaid Reload
- viii. QR Pay
- ix. MyQR(P2P transfer)

MAE comes with an account number and virtual card (for new bank customer only). No profit will be earned from this MAE account. Customer can also open an additional full-fledge account by visiting any Maybank branch and getting a Debit Card.

For full product disclosure on MAE Visa Debit Card, please refer:

https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/pdf/personal/cards/debit_cards/PDS_VisaDebit.pdf

2. WHAT IS THE SHARIAH CONTRACT APPLICABLE?

MAE is an e-Wallet that will be opened with Maybank and managed by Maybank Islamic. The Shariah contract applicable is Wakalah.

Wakalah is an agency contract whereby you appoint Maybank Islamic to act as your payment agent for transactions using MAE.

Maybank Islamic shall at all-time be the non-exclusive agent to you in providing services related to MAE

You must use MAE solely for Shariah compliant purposes including but not limited to purchasing goods and services, bill payments, QR payments and any other transactions that may be determined by us from time to time.

3. WHAT DO I GET FROM THIS PRODUCT?

- Use instantly upon account opening
- Make payments via QR Pay
- Perform online shopping using the virtual card
- Perform contactless payments via Samsung Pay using virtual card or physical card
- Flexibility to top up the account via Cash Deposit Machine, Debit Card or Financial Processing Exchange (FPX)
- Instant Bill Payment and Prepaid Reload
- Send money to any of your friends
- Request money from any of your friends
- Split Bill with any of your contacts
- Purchase Flight Tickets
- MAE Visa Debit Card (optional application), otherwise known as MAE card.

4. WHO IS ELIGIBLE TO APPLY FOR THIS PRODUCT?

- Age 12 years old and above
- Malaysian and non-Malaysian
- Subject to bank's internal screening process
- For MAE Visa Debit card, customer below the age of 18 years old is allowed to apply subject to parent or legal guardian consent.

5. WHAT ARE THE FEATURES OF THIS PRODUCT?

- Maximum balance at any time of RM4,999.99. For customer that have applied and activated their MAE Visa Debit Card, the maximum balance will be upgraded to RM10,000.00
- Monthly transaction below RM5,000.00. For customer that have applied and activated their MAE Visa Debit Card, the maximum monthly transaction amount will be upgraded to RM10,000.00
- Minimum RM10.00 funding is required upon creation of new MAE for existing Maybank/ Maybank Islamic customers
- Monthly transaction limit (any debiting transaction) of RM5,000.00
- Maximum accumulated RM60,000.00 transaction amount per calendar year.
- For customer that have applied and activated their MAE Visa Debit Card, their maximum monthly transaction limit will be increased to RM10,000.00 and accumulated annual transaction amount will be increased to RM120,000.00.
- NFC payment via Samsung Pay (for phone that support NFC payment only)
- Each over the counter transaction via any Maybank branch will incur additional RM5.00 fee on top of any existing fee (if any)
- All MAE will be provided with e-Statements only (monthly)
- New bank customer will be automatically enrolled for Secure2u.
- Mobile reload maximum RM500.00 per day
- Split Bill request will automatically expire after 30 days
- Request Money will automatically expire after 5 days
- To perform Send Money, customer will be required to perform a Simplified CDD as required by Malaysia regulations
- Account with zero balance will be auto closed after 90 days if there is no activity from the account opening date.
- No cheque facility for this account.
- Perform QRPay to Maybank QRPay merchant
- Make Bill Payment or Mobile Reload via Mobile Application
- Each MAE customer will get an account number and a virtual debit card

- Customer can perform the following using the account number (you can retrieve your account number in Profile setting)
 - Top up via Cash Deposit Machine
 - Third Party transfer from other bank account via Maybank2u
 - Interbank Giro or Instant Transfer from other bank

6. WHAT ARE THE FEES AND CHARGES I HAVE TO PAY?

Annual Fee	No annual fee
MAE Visa Debit Card Annual Fee	RM8.00
Top Up via CDM	Free of Charge
Top Up via FPX	Free of Charge
Top Up via Debit Card	Free of Charge
Card Replacement Fee	RM 12.00 for each replacement Card
Over-the-Counter Fee	RM5.00 (waive until further notice)
Request for duplicate statements	a) Within 1 year from Original Statement Date: RM 1.00 per page plus RM 10.00 per request b) More than 1 year from Original Statement Date: RM 1.00 per page plus RM 20.00 per request

Note: We will communicate to you at least 21 calendar days prior to the effective date of implementation if there are any changes in fees and charges that is applicable to MAE.

7. WHAT DO I NEED TO DO IF THERE ARE CHANGES TO MY CONTACT DETAILS?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. To update your contact details, you may reach us via one of the following channels:

Tel	1-300-88-6688
Email	mgcc@maybank.com.my

8. WHAT ARE MY OBLIGATIONS?

You must take all reasonable precaution to prevent loss or theft of the MAE card. You shall notify us by telephone or email immediately upon discovery of lost or theft and confirm the same in writing to us.

You must check the MAE statement and report any discrepancy without undue delay.

9. WHERE CAN I GET FURTHER INFORMATION ON THIS PRODUCT?

Please visit www.maybank2u.com.my for more information.

For reporting on fraudulent transactions or any other inquiries, you may contact us below.

Maybank Group Customer Care
Tel: 1 800 88 6688
E-mail : mgcc@maybank.com.my

If your query or complaint is not satisfactory resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at
Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1 300 88 5465
email: bnmtelelink@bnm.gov.my

HELAIAN MAKLUMAN PRODUK

Sila baca Helaian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membuka MAE. Pastikan juga anda membaca Terma dan Syarat MAE.

**MAYBANK MAE
JUN 2023****1. APAKAH PRODUK INI?**

MAE ialah e-dompet yang ditawarkan Maybank dan pengurus yang diberi kuasa, Maybank Islamic, di mana pelanggan boleh membukanya melalui Aplikasi Perbankan Mudah Alih Maybank, tanpa mengunjungi cawangan kami. Pelanggan boleh melakukan urusan perbankan sejourus selepas pendaftaran. Setiap pelanggan boleh mempunyai satu MAE sahaja.

Pelanggan dinasihati untuk mendaftar e-dompet dengan menggunakan maklumat sebenar termasuk Nama (seperti yang tertera pada MyKad/Pasport), Nombor MyKad/Pasport, Nombor Mudah Alih, Alamat, Maklumat Pekerjaan dan Emel. Pelanggan dikehendaki melakukan dan lulus pengesahan e-KYC semasa proses pembukaan MAE.

Maybank berhak untuk menutup/membeku mana-mana MAE pada bila-bila masa jika terdapat apa-apa maklumat yang mencurigakan atau tidak benar dikesan. Untuk mengaktifkan semula MAE, pelanggan dikehendaki menjalani Usaha Wajar Pelanggan (Customer Due Diligence atau CDD) di mana-mana cawangan kami untuk mengesahkan identiti mereka.

Nota:

Tidak dilindungi oleh PIDM.

Pilihan pendanaan:**1. Untuk pelanggan Maybank sedia ada:**

Pelanggan boleh mendana MAE mereka dengan menggunakan Akaun Simpanan atau Akaun Semasa Maybank sedia ada mereka, atau melalui mana-mana Mesin Kitar Semula Pintar Maybank (Maybank Smart Recycler Machines atau SRM) Pelanggan juga boleh melakukan Pindahan Dalam Talian (Pindahan Pihak Ketiga atau Pindahan Antara Bank) daripada akaun lain.

2. Untuk pelanggan Maybank baharu:

Pelanggan boleh mendana MAE mereka melalui mana-mana Mesin Deposit Tunai Maybank, Kad Debit atau melalui Aplikasi Mudah Alih Maybank2u dengan menggunakan Proses Pertukaran Kewangan Financial Exchange Process (FPX). Pelanggan juga boleh melakukan Pindahan Dalam Talian (Pindahan Pihak Ketiga atau Pindahan Antara Bank) daripada akaun lain.

Fungsi yang disediakan dengan menggunakan MAE:

- i. Tambah Nilai/Pendanaan
- ii. Meminta Wang
- iii. Menghantar Wang
- iv. Mengasingkan Bil
- v. Membeli tiket Penerbangan
- vi. Membayar Bil
- vii. Tambah Nilai Prabayar Mudah Alih
- viii. QR Pay
- ix. MyQR (pindahan Rakan ke Rakan atau P2P)

MAE disertakan dengan nombor akaun dan kad maya (untuk pelanggan baharu bank sahaja). Tiada keuntungan akan diperolehi daripada akaun MAE ini. Pelanggan juga boleh membuka akaun berfungsi penuh tambahan dengan mengunjungi mana-mana cawangan Maybank dan mendapatkan Kad Debit.

Untuk penerangan produk penuh mengenai Kad Debit Visa MAE, sila rujuk:

https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/pdf/personal/cards/debit_cards/PDS_VisaDebit.pdf

2. APAKAH KONTRAK SYARIAH YANG TERPAKAI?

MAE ialah e-dompet yang akan dibuka bersama Maybank dan diuruskan oleh Maybank Islamic. Kontrak Syariah yang terpakai ialah Wakalah.

Wakalah ialah sebuah kontrak agensi di mana anda melantik Maybank Islamic untuk bertindak sebagai ejen pembayaran anda untuk transaksi yang menggunakan MAE.

Maybank Islamic akan pada setiap masa menjadi ejen bukan eksklusif kepada anda dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan dengan MAE.

Anda mestilah mengguna MAE untuk tujuan yang mematuhi prinsip Syariah sahaja termasuk tetapi tidak terhad kepada membeli barangan dan perkhidmatan, pembayaran bil, pembayaran QR dan apa-apa transaksi lain yang akan kami tentukan dari masa ke masa.

3. APAKAH YANG DAPAT SAYA PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?

- Menggunakan secara serta-merta selepas pembukaan akaun
- Membuat pembayaran melalui QR Pay
- Melakukan beli-belah dalam talian dengan menggunakan kad maya
- Melakukan pembayaran tanpa sentuh melalui Samsung Pay dengan menggunakan kad maya atau kad fizikal
- Fleksibiliti untuk menambah nilai akaun melalui Mesin Deposit Tunai, Kad Debit atau Proses Pertukaran Kewangan (FPX)
- Pembayaran Bil dan Tambah Nilai Prabayar Serta-Merta
- Penghantaran wang kepada mana-mana rakan anda
- Permintaan wang daripada mana-mana rakan anda
- Pengasingan Bil dengan mana-mana orang yang boleh anda hubungi
- Pembelian Tiket Penerbangan
- Kad Debit Visa MAE (aplikasi pilihan), atau dikenali sebagai kad MAE.

4. SIAPA YANG LAYAK UNTUK MEMOHON PRODUK INI?

- Berumur 12 tahun dan ke atas
- Warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia
- Tertakluk kepada proses saringan dalaman bank
- Untuk kad Debit Visa MAE, pelanggan yang berumur di bawah 18 tahun dibenarkan untuk memohon tertakluk kepada kebenaran ibu bapa atau penjaga sah.

5. APAKAH CIRI-CIRI PRODUK INI?

- Baki maksimum pada bila-bila masa adalah sebanyak RM4,999.99. Bagi pelanggan yang telah memohon dan mengaktifkan Kad Debit Visa MAE mereka, baki maksimum akan dinaikkan kepada RM10,000.00
- Transaksi bulanan di bawah RM5,000.00. Bagi pelanggan yang telah memohon dan mengaktifkan Kad Debit Visa MAE mereka, jumlah transaksi bulanan maksimum akan dinaikkan kepada RM10,000.00
- Pendanaan RM10.00 minimum diperlukan selepas pewujudan MAE baharu untuk pelanggan Maybank / Maybank Islamic sedia ada
- Had transaksi bulanan (mana-mana transaksi pendebitan) sebanyak RM5,000.00
- Jumlah transaksi RM60,000.00 terkumpul maksimum setiap tahun kalendar.
- Untuk pelanggan yang telah memohon dan mengaktifkan Kad Debit Visa MAE mereka, had transaksi bulanan maksimum akan dinaikkan kepada RM10,000.00 dan jumlah transaksi tahunan terkumpul akan dinaikkan kepada RM120,000.00.
- Pembayaran NFC melalui Samsung Pay (untuk telefon yang menyokong pembayaran NFC sahaja)
- Setiap transaksi di kaunter melalui cawangan Maybank akan dikenakan fi tambahan sebanyak RM5.00 atas mana-mana fi sedia ada (jika ada)
- Semua MAE akan disediakan dengan e-Penyata sahaja (bulanan)
- Pelanggan bank baharu akan didaftarkan secara automatik untuk Secure2u.
- Maksimum tambah nilai mudah alih ialah RM500.00 sehari
- Permintaan Pengasingan Bil akan luput secara automatik selepas 30 hari
- Permintaan Wang akan luput secara automatik selepas 5 hari

- Untuk melakukan Penghantaran Wang, pelanggan dikehendaki melakukan Usaha Wajar Pelanggan (Customer Due Diligence atau CDD) yang dipermudahkan seperti yang diperlukan oleh undang-undang Malaysia
- Akaun yang mempunyai baki sifar akan ditutup secara automatik selepas 90 hari jika tiada aktiviti dari tarikh pembukaan akaun tersebut.
- Tiada kemudahan cek untuk akaun ini.
- Melakukan QRPay kepada peniaga QRPay Maybank
- Membuat Pembayaran Bil atau Tambah Nilai Mudah Alih melalui Aplikasi Mudah Alih
- Setiap pelanggan MAE akan mendapat nombor akaun dan kad debit maya
- Pelanggan boleh melakukan perkara berikut dengan menggunakan nombor akaun (anda boleh mendapatkan nombor akaun dalam penetapan Profil)
 - Tambah nilai melalui Mesin Deposit Tunai
 - Pindahan Pihak Ketiga daripada akaun bank lain melalui Maybank2u
 - Giro Antara bank atau Pindahan Serta-Merta daripada bank lain

6. APAKAH FI DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?

Fi Tahunan	Tiada fi tahunan
Fi Tahunan Kad Debit Visa MAE	RM8.00
Tambah Nilai melalui CDM	Percuma
Tambah Nilai melalui FPX	Percuma
Tambah Nilai melalui Kad Debit	Percuma
Fi Penggantian Kad	RM 12.00 bagi setiap penggantian
Fi Urusan di Kaunter	RM5.00 (dikecualikan sehingga makluman lanjut)
Permintaan untuk penyata pendua	a) Dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Penyata Asal: RM 1.00 setiap halaman tambahan RM 10.00 setiap permintaan b) Lebih daripada 1 tahun dari Tarikh Penyata Asal: RM 1.00 setiap halaman tambahan RM20.00 setiap permintaan

Nota: Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan jika terdapat apa-apa perubahan pada fi dan caj yang terpakai kepada MAE.

7. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN SEKIRANYA TERDAPAT PERUBAHAN PADA MAKLUMAT UNTUK MENGHUBUNGI SAYA?

Penting untuk anda memaklumkan kami apa-apa perubahan maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Bagi mengemaskini maklumat untuk menghubungi anda, sila hubungi kami melalui salah satu saluran yang berikut:

Tel 1-300-88-6688
Emel mgcc@maybank.com.my

8. APAKAH KEWAJIPAN SAYA?

Anda mestilah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk mengelak kehilangan atau kecurian kad MAE. Anda hendaklah memaklumkan kami melalui telefon atau emel secara serta-merta selepas menyedari kehilangan atau kecurian dan mengesahkan hal yang sama secara bertulis kepada kami.

Anda mestilah memeriksa penyata MAE dan melaporkan apa-apa percanggahan tanpa kelewatan yang tidak wajar.

9. DIMANAKAN BOLEH SAYA MENDAPAT MAKLUMAT LANJUT MENGENAI PRODUK INI?

Sila lawati www.maybank2u.com.my untuk maklumat lebih lanjut.

Untuk melaporkan transaksi penipuan atau apa-apa pertanyaan lain, anda boleh menghubungi kami seperti butiran di bawah.

Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank

Tel: 1 300 88 6688

Emel : mgcc@maybank.com.my

Jika kami tidak menyelesaikan pertanyaan atau aduan anda secara memuaskan, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK di Bank Negara Malaysia di

Blok D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel: 1 300 88 5465

Emel bnmtelelink@bnm.gov.my

Maklumat yang disediakan dalam helaian makluman produk ini sah setakat Jun 2023.